(ii) $2\text{H}_2 + \text{O}_2 \rightarrow 2\text{H}_2\text{O}$ $\Delta H = -282 \text{ kJ mol}^{-1}$
(iii) Tenaga



- (b) (i) Bilangan mol hidrogen = $\frac{50}{2} = 25 \text{ mol}$
(ii) 1 mol hidrogen membebaskan 282 kJ tenaga
Maka 25 mol hidrogen membebaskan $25 \text{ mol} \times 282 \text{ kJ mol}^{-1} = 7050 \text{ kJ}$ tenaga
- (c) Hidrogen boleh digunakan sebagai bahan api kerana tenaga yang dibebaskan apabila 1 g hidrogen dibakar adalah sangat banyak. Ia merupakan juga bahan api yang bersih kerana pembakarannya hanya menghasilkan air. Bahan api hidrogen juga bersifat tenaga yang boleh diperbaharui. Sebaliknya, hidrogen merupakan gas yang mudah terbakar dan penyimpanannya adalah sukar. Kos penghasilan bahan api hidrogen juga adalah mahal.

Sadut Pengayaan

(m.s. 140)

Logam natrium adalah logam yang sangat reaktif dan tindak balasnya bersifat sangat eksotermik. Logam natrium tidak mudah dikendalikan seperti logam-logam lain kerana tidak wujud bebas dan hanya terdapat sebagai sebatian. Oleh itu, logam natrium tidak sesuai digunakan sebagai pek panas.

1. (a) Bilangan mol butanol, $C_4H_9OH = \frac{0.37}{74} \text{ mol} = 0.005 \text{ mol}$

Haba yang dibebaskan, $Q = 0.005 \text{ mol} \times 2671 \text{ kJ mol}^{-1} = 13.355 \text{ kJ}$

(b) $Q = mc\theta$, maka $\theta = \frac{Q}{mc}$

Jisim air = $100 \text{ cm}^3 \times 1 \text{ g cm}^{-3} = 100 \text{ g}$

$$\theta = \frac{13355 \text{ J}}{100 \text{ g} \times 42 \text{ J g}^{-1} \text{ }^\circ\text{C}^{-1}}$$

$$= 31.8 \text{ }^\circ\text{C}$$

2. Hitungkan bilangan mol metanol, CH_3OH .

Jisim molar metanol, $CH_3OH = 12 + 4(1) + 16 = 32 \text{ g mol}^{-1}$

Jisim metanol, CH_3OH yang digunakan = $(145.91 - 144.95) \text{ g} = 0.96 \text{ g}$

$$\text{Bilangan mol metanol, } CH_3OH = \frac{\text{jisim metanol}}{\text{jisim molar metanol}}$$

$$= \frac{0.96 \text{ g}}{32 \text{ g mol}^{-1}} = 0.03 \text{ mol}$$

Hitungkan haba yang terbebas.

Jism air, $m = 200 \text{ cm}^3 \times 1 \text{ g cm}^{-3} = 200 \text{ g}$

Kenaikan suhu, $\theta = (59.0 - 29.0) \text{ }^\circ\text{C} = 30.0 \text{ }^\circ\text{C}$

Haba dibebaskan, $Q = mc\theta$

$$= 200 \text{ g} \times 42 \text{ J g}^{-1} \text{ }^\circ\text{C}^{-1} \times 30.0 \text{ }^\circ\text{C} = 25200 \text{ J} = 25.2 \text{ kJ}$$

Hitung haba pembakaran metanol, CH_3OH

Pembakaran 0.03 mol metanol, CH_3OH membebaskan 25.2 kJ haba

Maka, 1.0 mol metanol akan membebaskan $\frac{25.2 \text{ kJ}}{0.03 \text{ mol}} = 840 \text{ kJ mol}^{-1}$

Haba pembakaran metanol, $\Delta H, CH_3OH = -840 \text{ kJ mol}^{-1}$

3. Hitung haba dibebaskan

Jisim air, $m = 2150 \text{ cm}^3 \times 1 \text{ g cm}^{-3} = 2150 \text{ g}$

Kenaikan suhu, $\theta = (100.0 - 25.0) \text{ }^\circ\text{C} = 75.0 \text{ }^\circ\text{C}$

Haba dibebaskan, $Q = 2150 \text{ cm}^3 \times 4.2 \text{ J g}^{-1} \text{ }^\circ\text{C}^{-1} \times 75.0 \text{ }^\circ\text{C} = 677\,250 \text{ kJ}$

$$= 677.25 \text{ kJ}$$

Hitung jisim heksana, C_6H_{14}

Jisim molar heksana, $C_6H_{14} = 6(12) + 14(1) = 86 \text{ g mol}^{-1}$

35000 kJ haba dibebaskan oleh 86 g heksana, C_6H_{14}

Maka jisim heksana, C_6H_{14} diperlukan untuk membebaskan 677.25 kJ = $\frac{86 \text{ g} \times 677.25 \text{ kJ}}{35000 \text{ kJ}} = 1.53 \text{ g}$

1. Bilangan mol ion Pb^{2+} = Bilangan mol ion SO_4^{2-}

$$= 2.0 \text{ mol dm}^{-3} \times \frac{50}{1000} \text{ dm}^3$$

$$= 0.1 \text{ mol}$$

Biarkan haba dibebaskan ialah Q J dan isi padu larutan digunakan untuk perbandingan.

Maka, $Q = (50 + 50) \times 4.2 \text{ J g}^{-1} \text{ }^\circ\text{C}^{-1} \times 10 \text{ }^\circ\text{C}$ Persamaan 1

(a) Bilangan mol ion Pb^{2+} = Bilangan mol ion SO_4^{2-}

$$= 2.0 \text{ mol dm}^{-3} \times \frac{100}{1000} \text{ dm}^3$$

$$= 0.2 \text{ mol}$$

Oleh kerana bilangan mol bahan adalah 2 kali ganda, maka haba yang dihasilkan juga dua kali ganda

Maka $2Q = (100 + 100) \times 4.2 \text{ J g}^{-1} \text{ }^\circ\text{C}^{-1} \times \theta$ Persamaan 2

Bandingkan persamaan 1 dan 2: isi padu larutan juga dua kali ganda

Maka, $\theta = 10 \text{ }^\circ\text{C}$ [Tidak berubah]

(b) Kepekatan kedua-dua larutan setengah

Bilangan mol ion Pb^{2+} = Bilangan mol ion SO_4^{2-}

$$= 1.0 \text{ mol dm}^{-3} \times \frac{50}{1000} \text{ dm}^3$$

$$= 0.05 \text{ mol}$$

Oleh kerana kuantiti bahan adalah separuh kali ganda, maka haba yang dihasilkan juga separuh

Maka $\frac{1}{2}Q = (50 + 50) \times 4.2 \text{ J g}^{-1} \text{ }^\circ\text{C}^{-1} \times \theta$ Persamaan 3

Bandingkan persamaan 1 dan 3: isi padu larutan adalah sama

Maka, $\theta = 5 \text{ }^\circ\text{C}$ [Separuh]

(c) Kepekatan larutan tidak sama

Bilangan ion $\text{Pb}^{2+} = 2.0 \text{ mol dm}^{-3} \times \frac{50}{1000} \text{ dm}^3 = 0.1 \text{ mol}$

Bilangan mol ion $\text{SO}_4^{2-} = 1.0 \text{ mol dm}^{-3} \times \frac{50}{1000} \text{ dm}^3 = 0.05 \text{ mol}$

Bilangan ion Pb^{2+} adalah berlebihan, maka penghitungan hanya berdasarkan bilangan mol ion SO_4^{2-}

Oleh kerana bilangan mol ion adalah separuh maka, haba dibebaskan juga separuh dan kenaikan suhu juga separuh iaitu $5 \text{ }^\circ\text{C}$.

(d) Kesimpulan: Kenaikan suhu bergantung kepada bilangan mol ion yang digunakan.

- Bilangan mol ion bergantung kepada isi padu dan kepekatan.
- Apabila bilangan mol ion adalah sama, kenaikan suhu tidak berubah.
- Apabila bilangan mol ion disepahkan, kenaikan suhu juga disepahkan.
- Bilangan mol ion bahan yang berlebihan tidak diambil kira dalam penghitungan. (dikenali juga sebagai faktor penghad)

2. $Q = 200 \text{ cm}^3 \times 4.2 \text{ J g}^{-1} \text{ }^\circ\text{C}^{-1} \times 50 \text{ }^\circ\text{C} = 42000 \text{ J} = 42 \text{ kJ}$

1376 kJ haba dibebaskan oleh 46 g etanol

Maka 42 kJ haba dibebaskan oleh $\frac{42 \text{ kJ} \times 46 \text{ g mol}^{-1}}{1376 \text{ kJ mol}^{-1}} = 1.40 \text{ g}$

3. (a) Haba penyesaran ialah perubahan haba apabila satu mol logam disesarkan daripada larutan garamnya oleh logam yang lebih elektropositif.
- (b) (i) Guna cawan polistirena / plastik.
(ii) Warna biru larutan menjadi pudar // Enapan berwarna perang terbentuk
- (c) 1. Tiada perubahan haba.
2. Tindak balas tidak berlaku // Argentum kurang elektropositif berbanding kuprum.

$$(d) (i) \text{ Bil mol larutan} = 0.5 \text{ mol dm}^{-3} \times \frac{100}{1000} \text{ dm}^3 = 0.05 \text{ mol}$$

$$\begin{aligned} Q &= 0.05 \text{ mol} \times 42 \text{ kJ mol}^{-1} \\ &= 2.1 \text{ kJ} \\ &= 2100 \text{ J} \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{Jisim larutan} &= 100 \text{ cm}^3 \times 1 \text{ g cm}^{-3} = 100 \text{ g} \\ \text{Menggunakan } Q &= mc\theta \end{aligned}$$

$$\theta = \frac{Q}{mc} = \frac{2100 \text{ J}}{100 \text{ g} \times 4.2 \text{ J g}^{-1} \text{ }^{\circ}\text{C}^{-1}} = 5 \text{ }^{\circ}\text{C}$$

$$\text{Suhu tertinggi} = (28 + 5) \text{ }^{\circ}\text{C} = 33 \text{ }^{\circ}\text{C}$$

$$(ii) 1. \text{ Bil mol larutan kuprum (II) sulfat} = 0.5 \text{ mol dm}^{-3} \times \frac{100}{1000} \text{ dm}^3 = 0.05 \text{ mol}$$

$$2. \text{ Jisim magnesium} = 0.05 \text{ mol} \times 24 \text{ g mol}^{-1} = 1.2 \text{ g}$$

4. (a) (i) 1. Menggunakan bekas logam bukan bikar.
2. Ganti kasa dawai dengan segi tiga tanah liat
- (ii) Haba dibebaskan, $Q = mc\theta$
 $= 200 \text{ g} \times 4.2 \text{ J g}^{-1} \text{ }^{\circ}\text{C}^{-1} \times 30 \text{ }^{\circ}\text{C}$
 $= 25200 \text{ J} / 25.2 \text{ kJ} \text{ (ada unit, J / kJ)}$

$$(iii) 1. \text{ Bilangan mol} = \frac{1.72}{86} // 0.02$$

$$2. \text{ Haba pembakaran, } \Delta H = \frac{25.2 \text{ kJ}}{0.02 \text{ mol}}$$

$$3. = -1260 \text{ kJ mol}^{-1} \text{ tanda negatif serta unit (kJ mol}^{-1}\text{)}$$

$$(b) 1. \text{ Nilai bahan api etanol} = \frac{1376 \text{ kJ mol}^{-1}}{46 \text{ g mol}^{-1}} = 29.9 \text{ kJ g}^{-1}$$

$$2. \text{ Nilai bahan api butan-1-ol} = \frac{2675 \text{ kJ mol}^{-1}}{74 \text{ g mol}^{-1}} = 36.1 \text{ kJ g}^{-1}$$

Butan-1-ol adalah bahan api yang lebih efisien kerana 1 g butan-1-ol membebaskan 36.1 kJ haba.

BAB 4

POLIMER

1. (a) Nilon sangat kuat.
Gentiannya mempunyai ketahanan yang sangat baik.
Tahan terhadap lelasan.
 - (b) Sangat kenyal.
 - (c) Tahan terhadap haba.
2. Kegunaan nilon seperti:
 - membuat pakaian,
 - tetulang dalam bahan getah seperti tayar kereta,
 - sebagai tali atau benang,
 - sebagai pengganti logam berkekuatan rendah,
 - plastik pilihan untuk komponen di ruang enjin kenderaan.


Upp Diti 4.1

(m.s. 150)

1. (a) Satu jenis
 - (b)

$$\begin{array}{c}
 \text{H} \quad \text{H} \\
 | \quad | \\
 \text{C} = \text{C} \\
 | \quad | \\
 \text{H} \quad \text{CH}_3
 \end{array}$$

Propena
2. Penggunaan polimer sintetik adalah wajar.
 - Polimer sintetik yang mempunyai sifat ringan dan kuat digunakan dalam penghasilan beg plastik untuk mengisi barang atau makanan kerana murah dan mudah didapati.
 - Polimer sintetik juga memiliki sifat lengai dan tidak reaktif digunakan dalam penghasilan paip PVC kerana tahan kakisan.
 - Pencemaran alam sekitar kesan dari penggunaan polimer sintetik boleh diatasi dengan menggunakan pendekatan teknologi hijau dalam pengurusan sisa, mengamalkan langkah 3R (*reduce, reuse and recycle*) dan menggunakan polimer sintetik yang biodegradasi atau fotodegradasi.

Alternatif:

Penggunaan polimer sintetik adalah tidak wajar.

 - Sebahagian besar polimer sintetik tidak terbiodegradasi dan tahan lama.
 - Pembuangan polimer sintetik seperti botol plastik dan bekas menyebabkan penyumbatan sistem saliran dan sungai sehingga menyebabkan banjir kilat.
 - Pembakaran hampir semua polimer secara terbuka akan mengeluarkan gas berasid dan beracun akan menyebabkan pencemaran udara seperti:
 - (i) Gas karbon dioksida yang menyebabkan kesan rumah hijau.
 - (ii) Karbon monoksida yang beracun.


AKTIVITI 4D

(m.s. 153)

- (i) 2-metilbut-1,3-diena
- (ii) Membran protein pada zarah getah bercas negatif yang menyebabkan zarah-zarah getah menolak antara satu sama lain.
- (iii) Ciri-ciri getah
 - (a) Lembut pada suhu bilik untuk membolehkan penggunaan yang mudah.
 - (b) Kenyal membolehkan sarung tangan getah mudah dipakai.
 - (c) Kalis air membolehkan tangan dilindungi dari unsur luaran.

1. Asid etanoik menyebabkan getah menggumpal dan larutan ammonia menghalang getah dari menggumpal.
2. Getah menggumpal dalam bikar C setelah dibiarkan seketika. Bakteria di udara memasuki lateks dan merembeskan asid laktik yang menyebabkan getah menggumpal.
3. Asid metanoik dan larutan barium hidroksida.

Aktiviti Makmal 4B





(m.s. 155)

1. Sarung tangan getah.
2. Tidak. Produk dari getah asli mudah dioksidakan.
3. (a) Kekenyalan:
Kurang kenyal, boleh diregangkan tetapi tidak akan kembali kepada saiz asal.
- (b) Kekerasan:
Lembut dan kurang keras
- (c) Ketahanan terhadap haba:
Tidak tahan terhadap haba.

AKTIVITI 4E

(m.s. 155)

- (a) Bahan penggumpal: Asid formik, formaldehid, cuka
Bahan antigumpal: Larutan ammonia, larutan natrium hidroksida
- (b) Penggumpalan secara semulajadi disebabkan oleh perembesan asid laktik oleh bakteria. Asid laktik yang dirembeskan adalah sedikit dan perlahan menyebabkan penggumpalan berlaku dengan perlahan.
- (c) Gambar rajah dan huraian

 Zarah getah Rantai panjang molekul getah Membran protein bercas negatif	 Cas positif daripada asid Zarah getah dineutralkan
1. Penolakan antara zarah-zarah getah yang bercas negatif menghalang zarah-zarah mendekati satu dengan lain.	2. Asid yang dihasilkan oleh bakteria akan meneutralkan cas negatif pada membran protein zarah getah.
	
3. Alkali boleh digunakan untuk mencegah penggumpalan lateks. Penambahan alkali seperti larutan ammonia kepada lateks dapat meneutralkan sebarang asid yang dihasilkan oleh bakteria. Ini kerana larutan ammonia mengandungi ion hidroksida yang bercas negatif.	4. Cas negatif pada membran protein akan kekal dan saling menolak di antara satu sama lain dan menjadikan lateks kekal sebagai cecair. Oleh itu, alkali dapat mencegah berlakunya penggumpalan lateks.

Perbincangan:

1. Asid etanoik adalah bahan penggumpal untuk menggumpalkan lateks.
2. Untuk mendapat ketebalan yang sekata.
3. Kepingan getah yang terhasil lebih keras dan lebih tahan haba.

Eksperimen 4B

1. Kepingan getah tak tervulkan.
2. Kepingan getah tervulkan. Dapat kembali kepada panjang asal selepas pemberat ditanggalkan
3. Getah tidak tervulkan.
4. Kesimpulan: Hipotesis diterima. Getah tervulkan lebih kenyal berbanding dengan getah tak tervulkan.

Uji Diri 4.2

1. Poliisoprena
2. (a) Asid bertindak meneutralkan cas negatif pada membran protein zarah getah.
(b) - Ion hidrogen, H^+ daripada asid meneutralkan cas negatif pada membran protein.
- Zarah-zarah getah berlanggar antara satu sama lain menyebabkan membran protein pecah.
- Polimer-polimer getah bergabung antara satu sama lain dan menyebabkan getah menggumpal.
3. Bebas penggunaan sulfur dan alahan bahan kimia.
4. Persamaan: Kedua-dua getah tervulkan dan getah tak tervulkan terhasil dari lateks.

Perbezaan:


Ciri-ciri	Getah tak tervulkan	Getah tervulkan
Kekenyalan	Kurang kenyal	Lebih kenyal
Kekerasan	Lembut	Keras
Kekuatan	Rendah	Tinggi
Ketahanan haba	Kurang tahan haba yang tinggi	Tahan haba yang tinggi
Ketahanan pengoksidaan	Lebih mudah teroksida	Lebih tahan terhadap pengoksidaan

Uji Diri 4.3

1. Sejenis polimer sintetik yang bersifat elastomer atau polimer elastik.
2. (a) Getah nitril
(b) Lebih tahan terhadap minyak dan bahan pelarut.
3. - Getah sintetik lebih tahan haba dan tahan pelelasan untuk membolehkan bahan seperti tayar dihasilkan
- Getah sintetik tidak mudah terurai secara semulajadi boleh menyebabkan pencemaran.
- Getah sintetik perlu dilupuskan secara sistematik agar pencemaran dapat dielakkan.



1. (a)



- (b) Pempolimeran penambahan.
(c) Penghasilan botol plastik
(d) Polimer mempunyai takat lebur dan didih yang lebih tinggi berbanding monomer disebabkan oleh daya tarikan antara molekul yang lebih kuat di antara rantai polimer.

2. (a) Polimer semulajadi: poliisoprena

Polimer sintetik: Polivinil klorida (PVC)

- (b) Polimer semulajadi ditemui dari alam semulajadi manakala polimer sintetik dihasilkan oleh manusia melalui tindak balas kimia.

- (c) (i) Polimer termoset merupakan sejenis polimer yang tidak dapat diacu semula selepas dipanaskan.
(ii) Sukar terurai secara semulajadi dan sukar dilupuskan.


3. (a) Jalur getah M kerana getah asli adalah lebih lembut, mudah diregang dan kurang kenyal.

- (b) Kepingan getah M.

Sadut Pengayaan

(m.s. 163)

- Proses pempolimeran yang terlibat adalah pempolimeran kondensasi.
- Molekul air disingkirkan.



BAB 5

KIMIA KONSUMER DAN INDUSTRI

1. Lemak tak tepu merupakan lemak yang mengandung asid lemak tak tepu.
2. Ester.
3. Persamaan: Terdiri dari siri homolog yang sama.

Ciri-ciri	Lemak	Minyak
Sumber	Haiwan	Tumbuhan
Sifat fizik pada suhu bilik	Pepejal	Cecair
Takat lebur	Tinggi	Rendah
Kandungan asid lemak	Peratus asid lemak tepu yang tinggi	Peratus asid lemak tak tepu yang tinggi

4. Kegunaan minyak dan lemak:
 - (a) Sebagai bahan api.
 - (b) Sumber nutrisi.
 - (c) Penghasilan sabun.
 - (d) Penghasilan makanan haiwan.

(m.s. 175)

Hipotesis: Detergen lebih berkesan di dalam air liat berbanding sabun.

Pemboleh ubah:

Pemboleh ubah dimanipulasikan : Sabun dan detergen

Pemboleh ubah bergerak balas : Keberkesanan pencucian

Pemboleh ubah dimalarkan : Isi padu air liat

Prosedur:

1. Tuang 50 cm³ air liat ke dalam sebuah bikar.
2. Timbangkan 5 g serbuk sabun dan tuang ke dalam bikar tersebut.
3. Masukkan sehelai kain dengan kotoran minyak ke dalam bikar itu.
4. Cuci kain tersebut.
5. Rekodkan pemerhatian.
6. Ulangi langkah 1 hingga 5 menggunakan cecair detergen.

Keputusan:

Jenis agen pencuci	Pemerhatian
Sabun	
Detergen	

(m.s. 176)

1. Sabun adalah garam kalium atau garam natrium bagi asid lemak.
2. Detergen adalah garam natrium bagi asid sulfonik.
3. Saponifikasi.
4. $\text{CH}_3(\text{CH}_2)_{16}\text{COOH} + \text{NaOH} \rightarrow \text{CH}_3(\text{CH}_2)_{16}\text{COONa} + \text{H}_2\text{O}$
5. Pensulfonan atau pensulfatan dan peneutralan
6. Buih sabun berfungsi untuk merendahkan ketegangan permukaan air melalui cara berikut:
 - Buih sabun adalah lapisan filem sabun berbentuk sfera yang merangkumi udara atau gas.
 - Filem ini terdiri daripada selembat air tipis yang terperangkap di antara dua lapisan molekul sabun.
 - Bahagian hidrofilik molekul sabun akan larut dalam air manakala bahagian rantai hidrokarbon hidrofobik cenderung mengelakkan air.
 - Hujung hidrofobik molekul sabun berkumpul pada permukaan, mengelakkan air, dan menjauhkan diri daripada lapisan molekul air.
 - Akibatnya, molekul air terpisah antara satu sama lain. Peningkatan jarak antara molekul air menyebabkan penurunan tegangan permukaan, yang memungkinkan buih terbentuk. Oleh itu, sabun dapat membasahi permukaan kain.

1. Pengawet, pengemulsi, pengantioksidasi, pemekat, perisa, pewarna dan penstabil.
2. (a) Pengantioksidasi
 - (b) (i) Melambatkan pengoksidaan lemak dalam makanan.
 - (ii) Mencegahkan ketengikan makanan berminyak atau berlemak.
- (c) Pengemulsi dan pewarna / garam / perisa

1. Halia – menyingkirkan angin dalam badan.
Lidah buaya – merawat penyakit kulit
Asam jawa – Jus buah melegakan batuk
2. Analgesik, antibiotik, ubat psikotik, anti alergi dan kortikosteroid.
3. Analgesik
4. Kosmetik rias, kosmetik perawatan dan pewangi.

1. Nanosains merupakan kajian pengolahan bahan pada skala nano manakala nanoteknologi merupakan pembangunan bahan atau peranti dengan memanfaatkan ciri-ciri zarah nano.
2. Nanoteknologi dapat meningkatkan taraf kehidupan kerana zarah nano yang berukuran antara 1 hingga 100 nm memungkinkan pelbagai aplikasi dapat dicipta kerana saiznya yang sangat kecil. Sebagai contoh dalam penjagaan kesihatan dapat ditingkatkan dengan penghasilan ubatan atau peranti yang lebih berkesan. Manakala dalam bidang kosmetik penggunaan zarah nano mampu untuk memberikan keputusan yang lebih memuaskan kerana zarah yang sangat kecil ini berkeupayaan untuk menembusi lapisan kulit dengan lebih mudah.
3. Contoh penggunaan nanoteknologi:
 - (a) Penghasilan semikonduktor dan elektrik:
 - Semikonduktor yang lebih kecil dan efisien.
 - Sistem pendawaian dengan konduktiviti yang tinggi.
 - (b) Perubatan:
 - Peranti ujian yang lebih sensitif.
 - Sistem penyampaian ubat yang lebih berkesan.
 - (c) Tenaga dan elektrik:
 - Sel solar yang lebih efisien dan lebih kecil.
 - Bateri yang lebih tahan lama.
 - (d) Pertanian:
 - Racun perosak yang lebih efektif.
 - Pembajaan yang lebih cekap dan menyeluruh.
 - (e) Tekstil:
 - Fabrik kalis air, api dan kotoran.
 - Fabrik pelindung sinar UV dan anti kedut.
 - (f) Makanan:
 - Bahan tambah makanan berskala nano.
 - Pembungkus makanan antimikrob.
4. Grafen mempunyai luas permukaan yang tinggi dan saiz rongga yang hanya membenarkan molekul air melepasi.

1. Teknologi Hijau merupakan teknologi yang dibangunkan untuk mengurangkan impak aktiviti manusia terhadap alam sekitar.
2. Untuk mengelakkan sumber air bawah tanah daripada tercemar.
3. Penggunaan Teknologi Hijau dalam rawatan air sisa:
 - (a) Penggunaan bakteria untuk menguraikan bahan berbahaya.
 - (b) Pengasingan sampah pepejal daripada rawatan air sisa.
 - (c) Penggunaan bakteria dalam rawatan air sisa.
4. Penggunaan tenaga solar pada kenderaan dapat mengurangkan pembebasan gas karbon dioksida yang menyumbang kepada kesan rumah hijau.



UJIAN PENCAPAIAN

1. (a) Lemak tak tepu
(b) Ikatan ganda dua pada asid lemak P mudah bertindak balas dengan oksigen dalam udara seterusnya dioksidakan.
2. (a) (i) Saponifikasi
(ii) Ester
(b) Kalium hidroksida
3. (a) Pencuci A : Detergen Pencuci B: Sabun
(b) Tindakan pencucian bahan pencuci A berkesan dalam air liat manakala pencuci B kurang berkesan dalam air liat.
Air liat mengandungi ion Ca^{2+} dan ion Mg^{2+} .
Anion-anion bahan pencuci B bergabung dengan ion-ion itu dan membentuk kekat iaitu garam yang tidak larut.
Bahan pencuci A tidak membentuk kekat.
4. (a) P – gula Q – asid benzoik R – pektin
(b) P – pengawet atau perisa
Fungsi pengawet:
 - Menghalang atau melambatkan pertumbuhan bakteria atau kulat supaya makanan dapat disimpan lebih lama.Perisa
 - Menggantikan rasa asli yang hilang semasa pemprosesan.
 - Menambahkan rasa atau bau harum untuk menyedapkan makanan.Q – pengawet
 - Menghalang atau melambatkan pertumbuhan bakteria atau kulat supaya makanan dapat disimpan lebih lama.R – penstabil
 - Memberikan tekstur yang sekata dan licin.
5. (a) Ubat X – antiseptik Ubat Y – antibiotik
(b) Ubat Y perlu dihabiskan supaya semua bakteria dibunuh. Jika tidak dihabiskan, dos ubat yang lebih tinggi diperlukan jika dijangkiti penyakit yang sama pada masa depan.
6. (a) Nanoteknologi merupakan pembangunan bahan atau peranti dengan memanfaatkan ciri-ciri zarah nano.
(b) Sapuan krim lebih sekata menyelaputi kulit untuk perlindungan yang lebih baik.
(c) Kegunaan nanoteknologi:
 - Penghasilan kenderaan tanpa pemandu
 - Penghasilan komponen barangan elektrik.
7. (a) Sampah dilupuskan menggunakan sistem olahan larutlesapan yang dapat mengawal larutlesapan daripada mencemar sumber air bawah tanah.
(b) Bahan kimia berbahaya dapat diuraikan terlebih dahulu dan air sisa dirawat sebelum dilepaskan ke dalam sungai. Ini membolehkan effluen yang dialirkan ke sungai terawat dan lebih bersih.
(c) Bahan enapcemar dapat diolah untuk dijadikan baja atau bahan untuk penghasilan biogas.

Sudut Pengayaan

- Minyak kelapa dara tahan lebih lama
- Kandungan asid lemak tak tepu yang rendah menjadikan minyak kelapa dara lebih sukar dioksidakan dan tahan lebih lama.

1. (a) (i) Pengawet
(ii) Menghalang atau melambatkan pertumbuhan bakteria atau kulat supaya makanan dapat disimpan lebih lama.
(b) (i) Pewarna asli daripada daun pandan
(ii) Gula kerana pesakit diabetik tidak seharusnya mengambil gula yang berlebihan.
(iii) Pemanis tiruan contohnya : stevia / sorbitol / aspartam
2. (i) Analgesik
(ii) Aspirin mengandungi asid iaitu kumpulan -COOH (asid karboksilik) dan tidak sesuai diberikan kepada kanak-kanak atau pesakit gastrik kerana akan menyebabkan ulser perut.
Kodeina tidak mengandungi asid.
3. Wajar kerana ubat tradisional tidak mengandungi bahan kimia sintetik, hanya bahan-bahan semula jadi.
Tidak wajar kerana jika penghasilannya tidak mengikut dos atau sukatan yang betul mungkin tidak selamat diambil.
[pilih salah satu]
4. Langkah-langkah perlu diambil:
 - menyemak jika produk itu mendapat kelulusan daripada Kementerian Kesihatan.
 - jika tiada kelulusan, semak kandungan produk tidak mengandungi bahan terlarang seperti seperti hidrokinon, tetrinon atau merkuri.
 - jika ada “tester”, uji produk itu pada bahagian belakang pergelangan tangan. Ini bertujuan untuk menguji sama ada seseorang itu alergic terhadap bahan asas yang digunakan dalam pembuatan produk.
5. (a) Perubatan:
Bidang nanoperubatan dimana penggunaan nanopartikel telah berjaya diaplikasikan sebagai contoh untuk membantu dalam pelarutan molekul aktif ubatan, kargo penghantaran molekul aktif ubatan kepada kawasan spesifik yang memerlukan rawatan di dalam badan, sebagai antibakteria dan juga dalam diagnosis penyakit.
(b) Tenaga
Penghasilan sel solar yang lebih efisien dan lebih kecil.
Bateri yang lebih tahan lama.
(c) Pertanian
Pembuatan baja yang mengandungi bahan ‘pengaktif-nano’ atau ‘perangsang-nano’ yang berfungsi sebagai perangsang penghasilan buah.
Penghasilan racun perosak yang lebih efektif.



CADANGAN JAWAPAN BAHAN SOKONGAN PDPC


BAB 1 : REDOKS

SOALAN OBJEKTIF

1. A	2. D	3. C	4. C	5. A	6. D	7. C
8. C	9. C	10. D	11. C	12. A	13. B	14. D

SOALAN STRUKTUR

1. (a) (i) Tenaga kimia kepada tenaga elektrik 1
 (ii) Tenaga elektrik kepada tenaga kimia 1
 (b) Membenarkan pemindahan ion 1
 (c) (i) P // Magnesium 1
 (ii) $\text{Mg} \rightarrow \text{Mg}^{2+} + 2\text{e}^-$ 1
 (iii) $\text{Mg}(\text{p}) \mid \text{Mg}^{2+}(\text{ak}) \parallel \text{Cu}^{2+}(\text{ak}) \mid \text{Cu}(\text{p})$ 1
 (iv) $E^0 = +0.34 - (-2.38)$ 1
 $= +2.72 \text{ V}$ 1
 (v) Penurunan 1
 (vi) Ion kuprum(II) // Kuprum(II) klorida 1
 (d) (i) Anod: R 1
 Katod: S 1
 (ii) $\text{Cu}^{2+}, \text{Cl}^-, \text{H}^+, \text{OH}^-$ 1
 (iii) Ion kuprum(II) // ion Cu^{2+} 1
 (iv) E^0 ion Cu^{2+} yang lebih positif daripada E^0 ion H^+ 1
 Ion Cu^{2+} menerima 2 elektron untuk membentuk atom kuprum 1
 (v) $\text{Cu}^{2+} + 2\text{e}^- \rightarrow \text{Cu}$ 1
 (vi) R: Gelembung gas hijau kekuningan dibebaskan 1
 S: Pepejal perang terendap 1
 (vii) Warna biru menjadi pudar 1
 Kepekatan ion Cu^{2+} berkurangan 1
 (e) 1



- (f) +2 kepada 0 1

BAB 2 : SEBATIAN KARBON

SOALAN OBJEKTIF

1. C	2. D	3. C	4. A	5. C	6. B	7. B
8. B	9. C	10. C				


SOALAN STRUKTUR

1. (a) 1. But-1-ena terbakar lebih berjelaga dibandingkan dengan butana 1
 2. $\%C \text{ dalam but-1-ena} = \frac{4(12)}{4(12) + 1(8)} \times 100\% = 85.71\%$ 1
 3. $\%C \text{ dalam butana} = \frac{6(12)}{4(12) + 10(1)} \times 100\% = 82.76\%$ 1
 4. Peratus karbon dalam but-1-ena lebih tinggi dari butana 1
 - (b) $2C_4H_{10} + 13O_2 \rightarrow 8CO_2 + 10H_2O$ 1+1


Bilangan mol butana = $\frac{0.6 \text{ dm}^3}{24 \text{ dm}^3 \text{ mol}^{-1}} = 0.025$ 1

Daripada persamaan: 2 mol C_4H_{10} : 8 mol CO_2 1
0.025 mol C_4H_{10} : 0.1 mol CO_2


Isi padu karbon dioksida = $0.1 \text{ mol} \times 24 \text{ dm}^3 \text{ mol}^{-1}$ 1
= 2.4 dm^3
 - (c) (i) 1. Proses I : Penghidratan 1
 2. Suhu : $300^\circ C$ 1
 3. Tekanan : 60 atm 1
 4. Mangkin : Asid fosforik 1
 - (ii) (Mana-mana 2 isomer) 1+1




Butan-1-ol



Butan-2-ol




2-metilpropan-1-ol




2-metilpropan-2-ol

1+1
 - (d) Ester 1

Butil etanoat 1



1
2. (a) (i) Formula molekul menunjukkan jenis dan bilangan sebenar atom setiap unsur dalam suatu molekul 1
(ii) $C_nH_{2n+1}OH$ 1
 - (b) (i) Pengoksidaan 1
(ii) Larutan kalium manganat(VII) berasid 1
(iii) Asid butanoik 1
 - (c) (i)  1+1
 - (ii) $C_4H_5OH + 2[O] \rightarrow C_3H_7COOH + H_2O$ 1+1

BAB 3 : TERMOKIMIA


SOALAN OBJEKTIF

1. C	2. D	3. D	4. C	5. B	6. C	7. B
8. C	9. C	10. C	11. C	12. B	13. B	14. D
15. D	16. B					

SOALAN STRUKTUR

1. (a) Untuk mengurangkan kehilangan haba // 1
 Polistirena penenbat haba//
 Konduktor haba yang lemah
- (b) (i) Tindak balas eksotermik 1
 (ii) Lebih rendah /kecil // berkurang 1
 (iii) Mencampurkan dengan serta merta/sekali gus // 1
 Kacau campuran/ larutan.
- (c) (i) Bil mol ion $\text{Ag}^+ = 0.5 \text{ mol dm}^{-3} \times \frac{25}{1000} \text{ dm}^3 = 0.0125 \text{ mol}$ 1
 (ii) $Q = mc\theta$
 $= 50 \text{ cm}^3 \times 4.2 \text{ J g}^{-1} \text{ }^\circ\text{C}^{-1} \times (31.5 - 29.0) \text{ }^\circ\text{C}$ 1
 $= 525 \text{ J // } 0.525 \text{ kJ}$ 1
 (iii) 0.0125 mol Ag^+ membebaskan 0.525 kJ haba
 Maka, 1 mol Ag^+ membebaskan $= \frac{0.525 \text{ kJ}}{0.0125 \text{ mol}} = 42 \text{ kJ mol}^{-1}$ 1
 $\Delta H = -42 \text{ kJ mol}^{-1}$ 1
 (d) Haba dibebaskan ke persekitaran // Cawan polistirena menyerap haba. 1

2. (a) Haba peneutralan ialah perubahan haba apabila satu mol air terbentuk daripada tindak balas peneutralan antara asid dan alkali. 1
- (b) (i) Campuran menjadikan bekas panas // suhu meningkat // bacaan termometer meningkat. 1
 (ii) 1. Haba peneutralan antara larutan natrium hidroksida dan asid hidroklorik adalah lebih tinggi. 1
 2. Asid hidroklorik merupakan asid kuat // mengion dengan lengkap dalam air manakala asid etanoik merupakan asid lemah // mengion separa dalam air. 1
 3. Sebahagian haba yang dibebaskan digunakan untuk mengionkan molekul asid etanoik dengan lengkap. 1
- (c) 1. Paksi tenaga berlabel dan 2 aras tenaga yang betul untuk tindak balas eksotermik. 1
 2. Formula bahan tindak balas dan hasil tindak balas betul. 1
 3. Label ΔH dengan tanda – dan nilai yang betul. 1




- (d) 1. Bilangan mol air (ion H^+ atau ion OH^-)
 2. Haba yang dibebaskan, Q
 3. Perubahan suhu dengan unit.
 $\text{Bil mol ion H}^+ / \text{OH}^- = 1.0 \text{ mol dm}^{-3} \times \frac{100}{1000} \text{ dm}^3 = 0.1 \text{ mol}$ 1
 $Q = 57.3 \text{ kJ mol}^{-1} \times 0.1 \text{ mol} = 5.73 \text{ kJ} = 5730 \text{ J}$ 1
 $\text{Perubahan suhu} = \frac{5730 \text{ J}}{200 \text{ g} \times 4.2 \text{ J g}^{-1} \text{ }^\circ\text{C}^{-1}} = 6.8 \text{ }^\circ\text{C // } 6.82 \text{ }^\circ\text{C}$ 1

3. (a) Tindak balas kimia yang membebaskan haba ke persekitaran

1

(b)

1



(c) (i) Haba pembakaran propana lebih tinggi daripada metana// sebaliknya.

1

(ii) 1. Bilangan atom karbon per molekul bagi propana lebih banyak berbanding metana.

1

2. Apabila bilangan karbon bertambah, maka pembakaran propana akan menghasilkan lebih banyak molekul karbon dioksida dan air.

1

3. Oleh itu, semakin banyak haba dibebaskan.

1

(d) Jisim molar propanol, $\text{C}_3\text{H}_7\text{OH} = 60 \text{ g mol}^{-1}$

60 g $\text{C}_3\text{H}_7\text{OH}$ dibakar membebaskan 2016 kJ haba

1

Maka, 1 g $\text{C}_3\text{H}_7\text{OH}$ dibakar membebas = $\frac{2016}{60 \text{ g}} \text{ kJ}$

1

= 33.6 kJ g^{-1}

1

(e) 1. Letakkan pek sejuk pada bahagian kaki yang bengkak.

1

2. Ini akan menyerap haba daripada kaki yang bengkak itu.

1

3. Salur darah akan mengecut dan melambatkan pengaliran darah / mengurangkan pembentukan bendalir pada kawasan yang bengkak.

1

Nota: atau sebarang tindakan endotermik yang boleh melegakan kesakitan


BAB 4 : POLIMER

SOALAN OBJEKTIF

- | | | | | | | |
|------|------|-------|-------|-------|------|------|
| 1. C | 2. A | 3. B | 4. C | 5. A | 6. D | 7. A |
| 8. B | 9. C | 10. B | 11. A | 12. C | | |

SOALAN STRUKTUR

1. (a) Pempolimeran kondensasi 1
- (b) 1+1
- $$\begin{array}{c}
 \text{H} \quad \text{H} \\
 | \quad | \\
 \text{OH}-\text{C}-\text{C}-\text{OH} \\
 | \quad | \\
 \text{H} \quad \text{H}
 \end{array}$$


- (c) (i) Bersifat lengai 1
 Membolehkan penyimpanan bahan kimia berbahaya. 1
- (ii) Tahan lama dan sukar untuk diuraikan secara semula jadi. 1
 Mengambil masa yang sangat lama untuk terurai apabila dibuang dan boleh menyebabkan pencemaran. 1
2. (a) (i) Ion hidrogen 1
 (ii) Asid etanoik 1
- (b) (i) Zarah getah berlanggar antara satu sama lain dan memecahkan membran protein. 1
 Polimer-polimer getah bergabung dan menyebabkan lateks menggumpal. 1
 (ii) Masukkan larutan ammonia ke dalam lateks. 1

BAB 5 : KIMIA KONSUMER DAN INDUSTRI

SOALAN OBJEKTIF

- | | | | | | | |
|------|------|-------|-------|------|------|------|
| 1. A | 2. B | 3. B | 4. B | 5. B | 6. C | 7. C |
| 8. A | 9. D | 10. D | 11. C | | | |

SOALAN STRUKTUR

1. (a) (i) Lemak adalah ester terhasil daripada tindak balas asid lemak dan gliserol 1
 (ii)

Ciri	Lemak	Minyak
Sumber	Haiwan	Tumbuhan
Sifat fizik pada suhu bilik	Pepejal	Cecair
Takat lebur	Tinggi	Rendah
Kandungan asid lemak	Peratus asid lemak tepu yang tinggi	Peratus asid lemak tak tepu yang tinggi

2
 (mana-mana dua)
 (iii)
 1. Berfungsi untuk memberikan tenaga
 2. Penebat suhu badan
 3. Membantu dalam penyerapan vitamin-vitamin utama2
 (mana-mana dua)
 (iv)
 1. Pengambilan secara berlebihan dalam pemakanan dapat menyumbang kepada masalah jantung.
 2. Masalah berat badan atau obesiti.
 3. Risiko arteriosklerosis atau pengerasan arteri adalah lebih tinggi sekiranya lemak berlebihan yang diambil bersumberkan daripada haiwan atau lemak tepu.1
1
1

2. (a) (i) X: Sabun Y: Detergen 2
 (ii) Agen pencuci Y. 1
 Tidak membentuk kekat. 1
 (iii) Agen pencuci X. 1
 Diperbuat daripada sumber-sumber semula jadi. 1
 (iv) Bahagian hidrofilik. 1
- (b) Enzim biologi - Menanggalkan kotoran berprotein seperti darah, susu dan gula. 1
 Agen pemutih - Menukar kotoran kepada bahan tanpa warna. 1

3. (a) (i) Jenis bahan makanan tambahan - Pengawet 1
 Fungsi - Menghalang atau melambatkan pertumbuhan bakteria atau kulat supaya makanan dapat disimpan lebih lama. 1
 (ii)
 - alahan
 - gangguan saraf
 - kanser
 - asma
 - ruam
 - hiperaktif kepada kanak-kanak1
 (mana-mana satu)
- (b) (i) Garam akan menarik keluar air daripada sel mikroorganisma dan melambatkan pertumbuhan bakteria atau kulat supaya makanan dapat disimpan lebih lama. 1
 (ii)
 - Gula
 - Cuka1
 (mana-mana satu)
- (c) (i) Pektin/ Lesitin 1
 Pektin – penstabil 1
 Lesitin – pengemulsi
- (d) Pertumbuhan bakteria / kulat 1
 Pengoksidaan makanan 1

4.	(a)	(i)	• Membantu merawat masalah rambut • Melebatkan rambut • Mehitamkan rambut	1
		(ii)	Analgesik	1
		(iii)	Parasetamol	1
		(iv)	Boleh menyebabkan kerosakan hati	1
	(b)		Merkuri	2
			Hidrokuinon	
			<i>Betamethasone valerate</i>	
			<i>Tretinoin</i>	
			(mana-mana dua)	
	(e)		Merkuri: Kulit merengsa serta kerosakan buah pinggang dan sistem saraf jika diserap ke dalam salur darah.	2
			Hidrokuinon Kulit menjadi hipersensitif dan pengurangan pigmentasi yang mengakibatkan pendedahan kulit kepada sinar UV yang merbahaya.	
			<i>Betamethasone valerate</i> - Kulit merengsa dan perubahan pigmentasi kulit.	
			<i>Tretinoin</i> - Kulit kemerahan dan mengelupas.	
5.	(a)	(i)	1. Berlian	1
			2. Grafit	1
		(ii)	1. Kuat dan keras	2
			2. Lutisnar	
			3. Pengalir haba dan elektrik yang baik	
			4. Kenyal	
			5. Bersifat tidak telap	
			6. Rintangan elektrik yang sangat rendah	
			(mana-mana dua)	
		(iii)	0.1 nm	1
		(iv)	Elektronik – konduktor	2
			Polimer dan komposit – bahan komposit polimer.	
			Sensor – Grafen mempunyai luas permukaan yang tinggi.	
			Bioperubatan – Sensor, kejuruteraan tisu sistem penyampaian ubatan.	
			Tenaga – Bateri yang lebih tahan lama, superkapasitor.	
			Membran – Penurasan air, pemisahan air daripada campuran gas.	
			(mana-mana dua)	
	(b)	(i)	1. Memastikan pengurusan sisa yang lebih cekap	2
			2. Pengurangan pembebasan gas rumah hijau dan	
			3. Penyingkiran air sisa yang lebih bersih.	
			(mana-mana dua)	
		(ii)	Elektropenggumpalan	1
		(iii)	Kuprum / Karbon	1